



Program Ijazah Dalam PIDN Negara



Diskripsi Program

Penajaan dalam bentuk Pinjaman Boleh Ubah kepada pelajar peringkat ijazah pertama yang sedang mengikuti pengajian di Universiti Awam (UA), Politeknik Premier dan Government Linked Universities (GLU).

Syarat-Syarat Umum

- i. Warganegara Malaysia.
- ii. Mempunyai kesihatan yang baik.
- iii. Umur tidak melebihi 22 tahun pada tahun permohonan (23 tahun bagi pelajar peralihan).
- iv. Memiliki Sijil Penuh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
- v. Calon dan/atau Ibu dan/atau bapa tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh pihak JPA.
- vi. Tidak menerima bantuan kewangan/ tajaan dari mana-mana pihak di peringkat pengajian yang sama.

Syarat Khusus Calon

- i. Telah memulakan pengajian peringkat Ijazah Pertama sebelum tarikh iklan ditutup.
- ii. **Bidang SELAIN Perubatan dan Pergigian:**
 - a. Pelajar yang telah memulakan pengajian dan memperoleh PNGK terkini sekurang-kurangnya 3.00 atau
 - b. Pelajar yang telah memulakan pengajian tetapi belum melengkapkan sekurang-kurangnya satu semester di peringkat Ijazah Pertama hendaklah memenuhi syarat memperoleh sekurang-kurangnya 3.25 di peringkat Diploma dari UA / Politeknik / IPTS (GLU) yang disenaraikan dan
 - c. Mempunyai baki 18 bulan pengajian tidak termasuk semester terkini / semasa.
- iii. **Bidang Perubatan dan Pergigian:**
 - a. Memperolehi keputusan 'Lulus' bagi semester terkini pengajian bagi bidang perubatan dan pergigian dan
 - b. Mempunyai baki 24 bulan pengajian tidak termasuk semester terkini / semasa.

Bidang Pengajian

- i. Kejuruteraan dan Teknikal
- ii. Sains Sosial
- iii. Klinikal dan Kesihatan
- iv. Sains
- v. Senibina
- vi. Veterinar



Permohonan dibuka secara atas talian di

<http://esilav2.jpa.gov.my/>



Maklumat perhubungan ?

penawaranisp@jpa.gov.my

